

01 DEC 1999

P'raya-Cuepacs

CUEPACS UCAP TAHNIAH KEPADA BARISAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) hari ini mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional (BN) kerana kejayaannya memenangi pilihan raya umum ke-10 dengan mencapai majoriti melebihi dua pertiga.

Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan berkata rakyat Malaysia daripada pelbagai golongan termasuk anggota sektor awam telah memberi mandat kepada BN untuk memerintah kecuali di negeri Kelantan dan Terengganu.

Dalam kenyataannya di sini beliau berkata Cuepacs berharap semua pihak menerima keputusan yang dibuat serta melupakan politik kepartian dan kini menumpukan perhatian ke arah pembangunan Malaysia yang bebas, maju dan bersatu menjelang alaf baru.

Beliau berkata Cuepacs juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN, yang telah berjanji untuk memenuhi janji-janji dalam manifesto pilihan raya BN.

"Kami berharap dapat mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir bagi membincangkan rayuan serta permohonan Cuepacs menerusi manifesto Cuepacs ke alaf baru yang dilancarkan baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata Cuepacs mengharap anggota sektor awam terus memberikan yang terbaik dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab masing-masing ke arah memantapkan pengurusan pentadbiran awam menjelang alaf baru.

Abdul Rahman juga menasihati anggota sektor awam di Kelantan dan Terengganu agar terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dan mematuhi kehendak dan prosidur kerja yang dikehendaki oleh pihak berkuasa negeri masing-masing di samping mematuhi arahan kerja yang melibatkan prosidur kerajaan Persekutuan bagi melicinkan pentadbiran kedua-dua kerajaan negeri itu.

-- BERNAMA

AKT NMO